

PERUTUSAN DAN AMANAT TAHUN 2023

KETUA PENGARAH LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَّا بَعْدُ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

Alhamdulillah, marilah bersama-sama kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana diberi kesempatan untuk bersama-sama melangkah ke gerbang tahun baharu 2023.

- i. Di kesempatan ini, tidak terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2023 kepada semua.

Serangkap Pantun tanda permulaan kata:

Pak Mamat pergi membuat sampan,
Kakinya sakit tersandung papan,
Tahun Baru tahun permulaan,
Moga LPP terus maju ke harapan.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Pengurusan dan seluruh warga kerja Lembaga Pertubuhan Peladang di mana jua berada yang telah berusaha gigih dalam melaksanakan segala tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang tahun lalu.

Di **sepanjang tahun 2022**, kita telah dapat menyelesaikan perkara-perkara yang menjadi tugas dan tanggungjawab bersama:

- i. Kesemua **211 PPK, 13 PPN dan NAFAS** telah berjaya menyelesaikan Mesyuarat Agung Tahunan masing-masing mengikut jadual.
- ii. Prestasi penarafan kategori PP Berjaya ditingkatkan di mana:
 - Penarafan Kategori **A telah meningkat dari 71 PP (2017) kepada 151 PP (2021) peningkatan sebanyak 112%**,
 - Kategori **B dari 179 PP kepada 134 PP iaitu penurunan sebanyak 25%**,
 - manakala kategori **C pula telah menurun dari 43 PP kepada 8 buah PP. Penurunan positif sebanyak 537%**.

Bilangan PPK yang melebihi keuntungan sebanyak **RM1 Juta telah meningkat dari 3 PPK dalam Tahun 2015 kepada 13 buah PPK dalam Tahun 2021** yang lalu.

- iii. Menyelesaikan semakan keseluruhan Perundangan LPP dan PP ke arah memperkasakan pergerakan Pertubuhan Peladang dan peladang-peladang negara kita ini.
- iv. Peruntukan Pembangunan Tahun 2022 yang merangkumi Program Pengeluaran Sayur-sayuran & Buah-buahan, Pemantapan Penglibatan Pertubuhan Peladang dalam Rantaian Sektor Padi dan Beras, Menaiktaraf Pusat Pengeluaran dan Pemasaran Produk Pertubuhan Peladang, Pengeluaran Benih Berkualiti, Pengukuhan Rantaian Nilai, Pembangunan Usahawasan Peladang, Penambahbaikan dan Meningkatkan Penggunaan Teknologi, Mekanisasi dan Automasi di kalangan peladang dan lain-lain lagi pada jumlah RM71.05 Juta. Selesai dibelanjakan.

Tahniah dan Syabas diucapkan.

- v. Dengan kepercayaan pihak MAFS, sejumlah **berjumlah RM98 Juta peruntukan Khas telah dan sedang diuruskan oleh LPP**. Oleh itu jumlah keseluruhan peruntukan adalah sebanyak RM1.3 Billion semuanya termasuk Insentif Baja Padi.
- vi. Bagi Pengauditan Kewangan pula, LPP mendapat **Sijil Bersih dari Audit Negara selama 30 tahun** berturut-turut.
- vii. LPP telah mendapat **penghargaan dari Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan kerana telah melaksanakan Program Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara dengan baik** terutama setelah diaudit oleh Jabatan Audit Negara Malaysia.
- viii. Penghargaan kepada warga LPP menjayakan program-program di **'Malaysia, Agriculture and Horticulture Exhibition' (MAHA)**.
- ix. Tahniah kepada pasukan Unit Integriti LPP di atas kejayaan mengeluarkan **Kod Etika Dan Tatakelakuan LPP** sempena Sambutan Hari Integriti LPP tahun 2022 yang telah dilancarkan oleh Yang Berbahagia Dato' Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan pada 1 Disember yang lalu.
- x. **Kad Pintar Keluarga Peladang (Peladang-i)** dengan kerjasama Agro Bank telah diguna-pakai bagi kemudahan insuran, 'cashless' dan lain-lain ahli Peladang seluruh negara.
- xi. **Institut Latihan Mekanisasi dan Automasi Peladang Panji** diberi pentauliahan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran.
- xii. **Program Dari Dapur Peladangnya, Jualan Peladang Outlet, Pemantapan Program Peladang Outlet (PO), Program MAFI Prihatin** dan lain-lain program usahawan berjaya.

Saya amat berpuas hati dan berbangga dengan pencapaian ini dan berharap momentum kecemerlangan ini dapat diteruskan pada tahun 2023. Tahniah dan Penghargaan kepada semua yang terlibat.

YBhg Dato/Tuan-tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

- ii. Tinjauan ekonomi dunia tahun 2023 menjangkakan keadaan ekonomi akan semakin tidak menentu dan mencabar susulan konflik geopolitik, tekanan inflasi global, dasar monetari yang kian menekan dan prospek pertumbuhan ekonomi yang lemah. Bank Negara Malaysia menjangkakan kadar pertumbuhan ekonomi negara adalah sederhana iaitu antara 4 hingga 5 peratus pada tahun ini.

Sektor Agromakanan amat kritikal dipermodenkan seiring Dasar Agromakanan Negara 2.0 dalam mentransformasikan sektor ini. LPP menyokong pelaksanaan DAN 2.0 Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) melalui Pelan Korporat LPP bagi tempoh 5 Tahun iaitu dari 2021 sehingga 2025 akan terus mengadakan strategi penguasaan rantai nilai bekalan makanan bagi sub sektor terpilih di mana LPP mempunyai 'competitive advantage'.

- iii. Amanat YB Menteri pada 16 Januari 2023 menyatakan beberapa perkara yang perlu kita semua sama-sama hayati dan laksanakan:

MAFS akan menumpukan kepada **4 dimensi sekuriti makanan** merangkumi:

- i. Ketersediaan – availability
(food stock, domestic production, import)
- ii. Akses – accessibility
(equal distribution, purchasing power, market)
- iii. Penggunaan – utilization
(food safety, nutritious, clean and healthy)
- iv. Kestabilan dan kemampuan – affordability
(value for money)

Agenda keterjaminan makanan negara, **menggariskan 5 hala tuju dan fokus utama Kementerian mulai 2023** iaitu:

- i. Memperkasakan industri akuakultur,
- ii. Memperluas penternakan lembu secara fidlot,
- iii. Penanaman jagung bijian (grain corn),
- iv. Penglibatan golongan belia dipertingkatkan,
- v. Memperkasakan Institut Latihan Pertanian

YB Menteri sangat positif dalam memastikan tahap keterjaminan makanan negara kekal terjamin, usaha sama yang utuh (collaborative effort) amat diperlukan daripada pelbagai pihak seperti Kementerian, jabatan/agensi, kerajaan negeri, pihak swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan rakyat secara keseluruhannya melalui Whole-of-Government dan **Whole-of-Society Approach**.

YBhg Dato/Tuan-tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

- iv. Usia LPP akan mencapai 50 Tahun dalam masa kurang dari sebulan iaitu masa masa 28 hari saje lagi iaitu pada 14 Februari 2023. Pada usia ini pelbagai pencapaian yang cemerlang dan cabaran lampau telah kita dan rakan-rakan sebelum kita tempohi. Legasi memperkasakan golongan sasaran kita perlu kita terus dan perhebatkan lagi. InsyaAllah.

Bagi mencapai matlamat, strategi didalam Pelan Korporat LPP terkini (2021-2025) telah ditafsirkan melalui 14 `Petunjuk Prestasi Utama` (KPI) terdiri daripada 4 segmentasi iaitu Pembangunan, Regulatori, Pengurusan dan Kewangan Strategik.

i. Pembangunan (7 KPI)

Bagi merencanakan rangkaian penglibatan `Peladang`, memberi fokus kepada:

- memantapkan penglibatan PP dalam industri padi,
- meningkatkan daya saing `Peladang Outlet`,
- memperluaskan rangkaian perkhidmatan mekanisasi & autoasi,
- meluaskan penglibatan PP dalam industri ayam pedaging,
- pembentukan semula `Program Input Bersepadu` (PIB),
- melestari dan memperkasakan usahawan peladang serta
- merencanakan pelaksanaan replikasi projek berjaya.



ii. Regulatori

Mengarusperdanakan Fungsi Pendaftar melalui

- **Semakan semula Perundangan Akta 109 & Akta 110** yang bersesuaian agar Peladang dan Pergerakan Pertubuhan Peladang diperkasa melalui sandangan amanah dan kebertanggungjawab terhadap pergerakan pertubuhan peladang milik mereka,
- menempatkan anggota LPP di NAFAS agar NAFAS terus cemerlang melalui Strategi Perniagaan yang mampan, berdaya saing dan mampu membawa bendera Peladang disamping melibatkan peladang dalam sektor Agromakanan di persana negara. 'Business Re-engineering' NAFAS perlu diolah agar berkembang dengan konsisten.

'Alone we can do so little but together we can do so much'

- **Penarafan kategori** Pertubuhan Peladang dari A, B dan C adalah indicator kejayaan peladang dan LPP. Tahun ini, terdapat peningkatan penarafan Pertubuhan Peladang amat membanggakan. Adalah menjadi visi LPP agar semua Pertubuhan Peladang berada dalam Penarafan di bawah Kategori A – mampu berdiri dengan sendiri, mempunyai aktiviti ekonomi yang mampan, mempunyai kedudukan kewangan yang teguh dan boleh memberi perkhidmatan yang efektif dan efisien kepada ahli Peladang.

iii. Pengurusan

Untuk memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan, 3 KPI utama

- memperkasakan pembangunan **modal insan**,
- melaksanakan **pengstruktur semula organisasi** (re-organisation) serta
- **pendigitalan sistem pengurusan** 'human resource' LPP.



iv. **Kewangan Strategik**

KPI Khas LPP ke arah memperoleh Kedudukan Kewangan Yang Kukuh (*Self Reliance Kewangan*) yang merupakan misi prestasi LPP agar keupayaan sumber dalaman and rezab LPP terus stabil agar mampu diadaptasi sesuai dengan mandate yang ditentukan oleh Kerajaan.

'Warga LPP adalah Tonggak Aspirasi Pemerksaan Peladang'

YBhg Dato/Tuan-tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

5. Dalam kita melangkah ke tahun 2023, Mengambil semangat Jubli Emas 50 Tahun LPP, semua warga LPP perlu mendokong 9 Nilai Bersama ('shared values')
 - Mencintai dan sayangi LPP
 - Semangat kerja berpasukan
 - Bermotivasi
 - Kecekapan menjadi keutamaan
 - Bina Kepakaran
 - Berfikiran Positif
 - Cekap dan Jimat
 - Berketerampilan
 - Berintegriti
6. Warga LPP seharusnya matang untuk meneruskan kecemerlangan dan memberi nafas baru kepada sektor agromakanan melalui penerapan teknologi tinggi, smart-precision farming, pendigitalan pengeluaran, mengadaptasikan mekanisasi automasi sekaligus membantu negara dalam sekuriti makanan untuk masa depan.



Di peringkat negeri, perancangan yang jitu perlu dirangka setelah melihat kepada kesesuaian pgrm pembangunan yang ingin dilaksanakan. Tuan-Tuan dan Puan-Puan perlu mengetahui **'what best for the state that you are managing'**. **Your need to have a buy in** kepada pengurusan di PPK agar projek yang dilaksanakan terus mampan dan bukannya merancang sesuatu projek untuk gagal 'Plan to fail'. Projek baru bermula, dah nak lupus.

Kawasan yang telah berapa kali mengalami bajir umpanya, lokasi yang berdekatan hutan belanjatara, geografi tanah yang tidak sesuai, kepakaran yang kurang untuk menerokai bidang baru. Bukan semua komoditi sesuai dibangunkan di setiap negeri. Kesesuaian tempat, tanah, lokaliti, cuaca, sambutan peadlang dan PPK, potensi untuk dipasarkan dan lain-lain perlu dilihat. Observe, study, review, discuss and get opinion and view from others.... Kemudian barulah kita laksana.

Warga LPP semestinya perlu membawa imej yang terbaik LPP. Gambaran kecemerlangan LPP adalah apabila golongan sasar melihat bagaimana warga LPP meneliti sesuatu isu, menyelesaikan cabaran yang didepani, kritis dan bersungguh dalam memberi perkhidmatan.

(osn – after sell service, engagement with client, thinking outside the box, positive thinking creates positive outlook, always be mindful, able to anticipate, thinking aloud, fast, active, passionate, highly motivated and last but not least... have respect to people regardless of who they are and what they do.)

Surah An-Nisa ayat 86:

وَإِذَا حُيِّئْتُمْ بِهِ بِحَسَنَةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا

“Apabila kamu diberi penghormatan dengan sesuatu penghormatan, Maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik dari padanya, atau balaslah penghormatan itu (dengan yang serupa)]. Sesungguhnya Allah memperhitungkan segala sesuatu.”

‘Ingatlah, kejayaan sesuatu organisasi itu adalah kerana modal insannya. Tuan-tuan dan puan-puanlah orang di dalamnya....’

7. YAB Perdana Menteri telah memberi salinan surat kepada semua anggota Kabinet, warkah yang ditulis oleh Saydina Ali kepada Governer Mesir, Malik Al-Asytar

- 'Bereskanlah kerja pada satu-satu hari itu pada hari yang sama juga kerana hari-hari yang mendatang akan membawa masalah yang lain pula.'
- Orang akan memerhati tingkah laku kamu dengan teliti sebagaimana kamu pernah meneliti tingkah laku orang sebelum kamu dan akan bercerita tentang kamu sebagaimana kamu bercerita tentang orang lain'
- 'Ingatlah, setiap kelemahan anggota pentadbiran kamu yang kamu terlepas pandang akan dicatat dalam kitab amalan kamu'
- 'Sekiranya kamu melaksanakan tanggungjawa, kamu akan menerima balasan yang sewajarnya. Kawallah kemarahan kamu dan jagalah tangan dan lidah kamu. Sekiranya kamu ditimpa kesusahan cubalah kawal perasaan kamu kerana jika tidak ia akan menambah kesusahan kamu'

YBhg Dato/Tuan-tuan dan Puan-Puan yang saya hormati,

8. Tahun 2023, selain dari apa yang telah dinyatakan dalam *Pelan Korporat LPP yang ke 7, 14 KPI utama* tadi, kita akan terus menekankan dan memberi fokus utama kepada **3 PERKARA UNTUK TAHUN 2023:**

- ***Pembangunan usahawan yang menjurus kepada usahawan muda terutama di bawah 40 tahun*** – Pengeluaran, pemasaran dan pemprosesan
- Melaksanakan ***program pembangunan LPP secara berskala besar dan secara komersial melalui satu pengurusan*** supaya program yang dilaksanakan 'sustainable' – Feedlot, satellite farming untuk sayur dan buahan, ternakan ayam dan ruminan, mekanisasi dan automasi.
- LPP akan melangkah dalam ***bidang teknologi dan akan mula berinovasi***
- Kita akan ***mengutamakan pengukuhan regulatari*** – tata kelola, tadbir urus dan kawal selia

Justeru,

- **SEMUA WARGA LPP PERLU BERJIWA BESAR**, Saya harap semuanya dapat menyahut pendekatan ini dengan penuh kesungguhan.
- LPP AKAN MEWUJUDKAN **KUMPULAN ANGGOTA MAHIR** – ‘SUBJECT MATTER EXPERT’ DALAM INDUSTRI PADI, PENGELUARAN SAYUR DAN BUAHAN, INDUSTRI AYAM, PEMASARAN, PERUNDANGAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN untuk merealisasikan ke semua di atas.

Marilah kita berdayung sampan bersama, menuju arah tidak berbeza,
Mari kita atur langkah, ke hadapan dengan tuntas
Saya percaya bersama, tidak akan ada laut yang tidak dapat kita duga.
Moga semua kerja baik Tuan-Tuan semua mendapat redha Allah jua

9. Saya berharap semua warga LPP yang dikasihi **terus beristiqamah dan beriltizam** untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab serta amanah yang diberikan dengan lebih cemerlang dan berintegriti dalam Tahun 2023 ini.

**LET US MAKE A DIFFERENCE,
TOGETHER LET US MAKE THINGS HAPPEN**

**Selamat Menyambut Tahun Baharu 2023
SELAMAT MENYAMBUT LPP50**

**SIRU BARAKATILLAH
BERMAKSUD ‘BERGERAKLAH KITA DALAM KEBERKATAN ALLAH’**

**‘BERSAMA KITA PERKASA PELADANG DAN PERGERAKAN
PERTUBUHAN PELADANG’**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Sekian, terima kasih.

**Yang Berbahagia Dato’ Azulita Binti Salim
Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang
1 Januari 2023**